

Benteng Batu 5, Kapar dibaiki secara berperingkat

SHAH ALAM 20 Okt. - Usaha membaiki benteng penahan air di kawasan Kampung Seri Sekamat, Batu 5, Kapar, Klang yang pecah semula kelmarin sedang dilaksanakan secara berperingkat bagi memastikan limpahan air laut ekoran fenomena air pasang besar tidak memberi kesan besar kepada penduduk sekitar.

Perkembangan terbaharu itu dinyatakan Ketua Unit Pengurusan Bencana negeri, Ahmad Fairuz Mohd. Yusof yang menyatakan usaha tersebut dilakukan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) namun proses baik pulih bergantung kepada keadaan pasang surut air dari Sungai Puluh.

Bagaimanapun katanya, para penduduk di kawasan berhampiran telah berpindah ke pusat penempatan sementara.

Menurut Ahmad Fairuz, setakat semalam, keadaan air pasang besar di beberapa kawasan di daerah Klang didapati masih selamat dan terkawal kecuali di kawasan Kampung Tok Muda yang mana paras air laut melepasi sepanjang benteng dan menyebabkan limpahan ke kawasan daratan.

“Bagaimanapun, limpahan air itu tidak menyebabkan kawasan penempatan dan jalan raya dinaiki air. Keadaan setakat ini masih selamat dan terkawal, namun pemantauan giat dilakukan di kawasan berkenaan berikutan cuaca mendung.

“Bagi kawasan Jeti Kampung Tok Muda, tiada limpahan air laut dilaporkan kerana beg-beg pasir yang diletakkan untuk menahan peningkatan paras air berfungsi dengan baik. Dalam masa sama, kerja-kerja penambakan dan pengukuhan benteng di kawasan pesisir pantai di daerah Klang sedang dijalankan,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.